

BILINGUALISME DAN PEMBENTUKAN JATI DIRI NASIONAL SINGAPURA

Dr. Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz

(Singapura)

Abstrak

Makalah ini menjejaki kearifan tempatan dalam konteks sebuah negara moden berbilang kaum yang tidak mempunyai tradisi peribumi yang khusus memandangkan ia terdiri daripada gabungan tradisi dan perlakuan pelbagai kaum. Negara ini juga tidak mempunyai sumber alam semulajadi yang dapat memberi ruang kepada terbentuknya kearifan tempatan. Latar belakang sedemikian menyebabkan lahirnya kearifan yang berpusat kepada penakatan manusia yang menjadi modal insan kepada pembangunan infrastruktur negara. Modal insan melahirkan atribut baharu yang mempengaruhi rakyat Singapura dalam mengejar kecemerlangan hidup. Makalah ini menggunakan landasan teori identiti sosial dan rangka kerja prinsip bilingualisme Singapura. Makalah ini merumuskan bahawa bilingualisme merupakan kunci kepada penakatan Singapura kerana ia menghasilkan atribut-atribut yang menyumbang kepada penyatuan bangsa Singapura. Bilingualisme menjana intelektualisme dan identiti jati diri nasional Singapura melalui sistem bahasa yang memajukan rakyat majmuk dalam masa yang sama memelihara warisan etnik. Makalah ini juga mendapati bahawa bahasa Melayu di Singapura masih di tahap pengekalan bahasa (*language maintenance*) kerana kemampuan masyarakat Melayu mengimbangi peranan dan penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris. Ini merupakan keunikan kearifan tempatan Singapura dalam pembentukan identiti nasional.

Kata kunci : *kearifan tempatan, bilingualisme, identiti sosial, modal insan, etnisiti, pengekalan bahasa*

1.0 Pengenalan

Dunia sentiasa berdepan dengan perubahan yang sukar dijangkakan. Setiap perubahan atau perkembangan memerlukan setiap negara keperluan menyesuaikan sistem dan infrastruktur negara demi penakatan. Negara-negara kecil tanpa sumber lazimnya yang paling teruk terjejas apabila berlakunya sebarang perubahan dalam tatanan dunia. Era pengglobalan sumber, misalnya, memaksa setiap negara dan bangsa memaksimumkan segala sumber dalam usaha memastikan kerelevanan ilmu dan teknologi masing-masing. Keadaan ini membawa kepada penyumberan luar dan pengambilan bakat-bakat asing serta pengadaptasian teknologi baharu. Perangkaianan seumpama ini secara tidak langsung merelevankan atau memansuhkan kearifan tempatan sedia ada. Dalam masa yang sama, desakan penakatan akan melahirkan kearifan tempatan yang baharu dalam menjana sumber tempatan dalam pelbagai format. Asas kepada penakatan ialah ilmu yang sentiasa membangun mengikut zaman dan keperluan penakatan itu sendiri. Kearifan ini secara tidak langsung membentuk tatanan budaya dan perlakuan baharu manusia yang mewarnai bangsa, budaya, dan bahasanya.

2.0 Konsep Kearifan Tempatan

Kearifan tempatan boleh dikonsepsualisasikan sebagai suatu sistem ilmu pengetahuan yang diperoleh masyarakat tempatan melalui pengumpulan pengalaman, percubaan-percubaan atau eksperimen dan fahaman yang intim terhadap kesekitaran budayanya (Patmanugraha, 2010). Ia sentiasa berkembang mengikut keperluan keadaan dan zaman. Ini bermakna ia merupakan manifestasi pengalaman setiap generasi dan terus dimakmurkan oleh generasi selanjutnya. Phusit Phukamchanoad et. al (2014) mendapati bahawa nilai kearifan tempatan ini sentiasa hidup kerana ia merangkumi satu rangka kehidupan yang komprehensif melalui hubungan intim antara ilmu dan beberapa faktor seperti profesionalisme, ekonomi, kemaslahatan, belanjawan, pendidikan, dan budaya. Kearifan tempatan juga merangkumi budaya tempatan seperti cara berfikir, kemampuan, pendapat, kepercayaan, kearifan berkaitan dengan perumahan, kehidupan, gaya hidup, pengawalan penyakit dan penggunaan bahasa.

Satu petanda yang jelas ialah kearifan tempatan membantu menyuntik rasa kebanggaan terhadap warisan negara. Justeru, ia sering dikaitkan dengan konsep peribumi yakni kumpulan manusia yang sedia ada di sesebuah kawasan (Patmanugraha, 2010;

Mungmachon, 2012; Phukamchanoad et. al, 2014; Kartika, 2014). Dalam konteks Nusantara, konsep ini amat jelas bagi negara rumpun Melayu seperti Indonesia, Malaysia, dan Brunei yang bangsa dan bahasa asasnya amat ketara yakni Melayu (Asmah Haji Omar, 2008). Ini bermakna rumpun Nusantara mempunyai kearifan tempatan atau *local genius* yang menjadi tradisi yang panjang dan berterusan dalam pelbagai bentuk bahan budaya seperti pakaian, makanan, rumah, muzik, lagu, sastera, dan persuratan. Bahan-bahan tersebut memberikan keunikan kepada bangsa Nusantara kerana bahan-bahan yang dihasilkan kaya dengan seni dan intelektualiti yang menyumbang kepada pembangunan kemanusiaan dan negara. Antara beberapa contoh kearifan tempatan peribumi adalah proses-proses tradisional dalam penanaman durian, pembuatan tembikar, penghasilan garam, dan pembuatan pewarna secara semulajadi (Mungmachon, 2012). Namun demikian, proses tradisional seumpama ini sedang menghadapi cabaran kemodenan dan globalisasi yang memberikan proses alternatif yang lebih murah dan menjimatkan masa. Selain itu, generasi muda juga kurang menggemari kerja-kerja sedemikian kerana mempunyai pekerjaan alternatif yang lebih mudah dan menarik.

Asmah Haji Omar (2012) dalam kajiannya membuktikan bahawa kearifan tempatan peribumi dari sudut penghasilan teori ilmiah sudah lama wujud. Malah, lebih awal daripada teori-teori tertentu yang kini menjadi ikutan para sarjana dunia. Beliau merumuskan bahawa ilmu wacana dan tatabahasa karangan Za'ba dalam *Ilmu Mengarang Melayu* (1934) dan *Pelita Bahasa Melayu* (1940) sudah mempunyai landasan teorinya sendiri yang setara dengan teori-teori Barat masa kini. Dalam lain erti kata, dunia Melayu sudah mempunyai landasan teori tatabahasa dan linguistiknya sendiri. Misalnya, Za'ba sudah memperkenalkan empat prinsip sebagai garis pandu dalam menulis esei yang baik. Prinsip ini sama dengan empat prinsip yang diperkenalkan oleh Grice (1957) yang kini menjadi anutan dalam analisis wacana. Za'ba menulis bukunya lebih awal daripada Grice tetapi idea Za'ba tidak terakam sebagai sebuah teori aliran nasional. Ini merupakan antara sebab generasi hari ini kurang mengenali kekayaan kearifan tempatan kerana mereka lebih terdedah kepada kearifan dan kemajuan Barat. Maka, usaha menasionalisasikan kearifan tempatan seharusnya mendapat tempat utama dalam skema pembangunan bangsa dan negara. Lebih banyak kajian seumpama ini perlu dilakukan dan disebarluaskan agar bangsa Melayu sedar bahawa Melayu itu adalah intelektual yang inovatif dan kreatif. Ia secara tidak langsung menaikkan semangat jati diri nasional.

Walaupun Singapura diklasifikasi sebagai salah sebuah negara bagi peluasan bahasa Melayu di Nusantara (Asmah Haji Omar, 2008), namun dari segi penerusan tradisi bangsa, ia memerlukan satu tuntutan yang berbeza kerana Singapura bukan lagi sebuah negara Melayu dan bahasa Melayu bukan lagi bahasa asas di Singapura. Ia merupakan satu daripada empat bahasa rasmi. Jumlah bangsa Melayunya juga kecil berbanding dengan bangsa lain. Dalam konteks budaya Melayu pula, kearifan peribumi yang ada khususnya adat resam dan persuratan merupakan satu penerusan daripada tradisi Nusantara memandangkan Singapura pernah menjadi sebahagian daripada Malaya dan Malaysia. Singapura juga menerima banyak pendatang dari Indonesia semasa zaman Jepun yang akhirnya menjadi rakyat Singapura. Demikian juga halnya dengan para pendatang Cina dan India yang datang ke Singapura dengan tradisi dan budaya masing-masing sebagai penanda etnik. Maka, dalam konteks Singapura, kearifan tempatan yang menyumbang kepada pembentukan jati diri nasional lebih tertumpu kepada sumbangan pelbagai bangsa di luar tradisi bangsa masing-masing. Sumbangan tersebut tidak mewakili satu-satu bangsa tetapi menggambarkan keunikan Singapura berdasarkan perkembangan sosio-budaya rakyat Singapura yang hibrid.

2.1 Modal Insan

Dalam konteks perbincangan tradisi kearifan tempatan bagi Singapura, garis pemulanya ialah tahun 1965, iaitu selepas Singapura berpisah daripada Malaysia. Saat ini menjadi penentu kepada penakatan Singapura tanpa sebarang sumber alam. Pemerintah terpaksa memikirkan strategi yang harus diambil dan hala tuju yang wajar dalam membangunkan sebuah kota kecil yang serba kekurangan. Dalam hal ini, Singapura perlu memanfaatkan sumber yang ada, iaitu manusia. Maka, satu langkah yang bijak dan menjadi kearifan tempatan sehingga hari ini ialah melabur dalam saham modal insan yang terus digilap dalam sebuah sistem yang menjadi *habitus* (kebiasaan) dalam kalangan rakyat Singapura. Ia dijadikan wasiat turun-temurun dalam keluarga dan kepimpinan negara. *Habitus* (Bourdieu, 1984) bermaksud ia menjadi sebahagian daripada naluri atau perlakuan yang lazim tanpa perlu ditunjuk ajar atau diberi peringatan. Ia bertindak secara automatik kepada respons yang diperlukan. Ia berteraskan prinsip respons yang tidak terkawal seperti gerakan anggota manusia ketika berjalan, makan, dan seumpamanya.

Marr & Schiuma (2001) menjelaskan bahawa modal insan (*human capital*) merupakan satu komponen dalam modal intelektual (*intellectual capital*) selain modal hubungan (*relational capital*) dan modal struktural (*structural capital*). Ia adalah kumpulan aset ilmu dalam sesebuah organisasi yang menjadi citra organisasi tersebut. Malah, ia menjadi nilai tambah kepada mana-mana nilai sedia ada dalam sesebuah organisasi. Nilai ini terus kukuh kerana setiap insan di dalam organisasi tersebut adalah golongan yang berilmu dan sentiasa meningkatkan penguasaan ilmu. Keadaan ini melahirkan modal insan seperti ilmu, bakat, kemahiran, kemampuan, pengalaman, kebijakan, latihan, penilaian, dan kearifan yang dimiliki secara individu dan kolektif. Ia dimiliki setiap individu dan kumpulan dalam sesebuah organisasi. Usaha menjaga hubungan baik dengan klien ataupun institusi lain melahirkan kepentingan modal hubungan (*relational*) kerana hubungan yang baik membantu menghasilkan persepsi yang positif bagi organisasi tersebut ataupun sebaliknya. Modal struktural pula perlu dibentuk agar setiap peraturan, sistem, pusat ilmu, takungan data, dan hak milik organisasi tersebut ditadbir dan diurus secara efektif bagi memastikan organisasi itu tidak terkebelakang tetapi terus membangun.

Dalam konteks sebuah negara, modal intelektual memerikan kepentingan pembangunan ilmu dalam setiap rakyat dalam bentuk pencapaian kadar literasi yang tinggi dan institusi pengajian tinggi bertaraf dunia serta pelaburan dalam kajian dan penyelidikan yang berterusan. Singapura menekankan modal insan dan kepimpinan yang dianggap sangat kritikal bagi strategi kecemerlangan Singapura (Lee, 2009). Falsafah ini dipegang sejak Singapura berpisah daripada Malaysia yang memaksa Singapura berpaling kepada modal insan memandangkan ia tiada sumber alam yang boleh dijadikan modal pembangunan infrastruktur negara.

2.2 Budaya Kiasuisme

Pemerintah Singapura memperkenalkan berbagai kempen dalam memastikan rakyat bergerak setara dengan keperluan pembangunan negara. Kempen-kempen ini lazimnya terikat kepada dasar-dasar yang diperkenalkan. Ia secara tidak langsung membentuk sikap dan sifat rakyat Singapura. Sekitaran sosio-budaya dan sosio-ekonomi yang baharu ini mula mencorak tabiat semulajadi rakyat Singapura. Ia terbentuk secara perlahan-lahan dan akhirnya menjadi *habitus* seperti satu naluri ke arah menjadi yang terbaik sehinggakan mementingkan diri

sendiri dan tidak mahu ketinggalan. *Habitus* ini dikenali dengan istilah *Singlishnya* iaitu *kiasu*. Sifat ini menjadi sangat ketara. Tinjauan oleh sebuah syarikat Britain, Barret Values Centre dan Singapore's Advantage Consulting merumuskan bahawa rakyat Singapura mempunyai sifat *kiasu*. Mereka juga mendapati rakyat Singapura materialistik dan elitis (Durai, 2015). Penekanan Singapura kepada modal insan telah melahirkan insan yang berperawakan *kiasu*. Sifat *kiasu* ini begitu ketara sehingga *Mr Kiasu* dijadikan sebuah siri televisyen Singapura. Watak ini serupa dengan watak *the Ugly American* atau watak *Mr Bean* yang suka potong jalan apabila beratur untuk mendapatkan sesuatu, mengambil seberapa banyak makanan yang termampu dalam restoran ala bufet, dan meninggikan suara untuk mendapatkan khidmat yang lebih cepat dan efisien sebelum orang lain mendapatkan layanan terlebih dahulu (Ganon & Pillai, 2010).

Sifat *kiasu* ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang negatif dalam konteks sebuah negara yang sentiasa mengejar pembangunan. Sebaliknya, ia membantu rakyat Singapura mengikuti kepesatan pembangunan. Laporan *The Straits Times* membuktikan bahawa konsep *kiasu* itu mungkin telah disalahtafsirkan (Durai, 2015). Ahli sosiologi Paulin Straughan dari Universiti Nasional Singapura, mendapati bahawa *kiasuisme* adalah ikonik bagi Singapura dan diterima oleh rakyat Singapura. Beliau berpendapat bahawa ia tidak harus dilabel sebagai sesuatu yang negatif. Dr. Leong Chan-Hoong, felo di Institut Kajian Dasar, menjelaskan bahawa *kiasu* merupakan satu sifat universal dalam setiap insan yang berorientasikan pencapaian kecemerlangan. Ia tidak unik kepada Singapura sahaja. Profesor Perundangan, Eugene Tan dari Universiti Pengurusan Singapura, mengatakan bahawa kesedaran terhadap wujudnya *kiasuisme* dalam rakyat Singapura membuktikan bahawa rakyat Singapura semakin kritikal terhadap diri sendiri secara kolektif. Ini merupakan satu perkembangan yang optimistik kerana rakyat Singapura kini lebih perihatin dalam mempertingkatkan perlakuan dan etika secara kolektif sebagai rakyat madani. Sim Wei Ling, seorang pegawai sumber manusia, juga berpendapat bahawa *kiasu* merupakan satu sifat yang menunjukkan bahawa rakyat Singapura sentiasa proaktif dan positif dalam mempertingkatkan diri mereka. Frasa *kiasu* juga telah disenaraikan di dalam *Oxford English Dictionary* (Lee M. K., 2015) mengikuti frasa *Singlish* yang lain seperti *lah* dan *sensih* yang disenaraikan lebih awal lagi. Kini *kiasu* menjadi naluri rakyat Singapura yang diturun-temurunkan kepada generasi selanjutnya dan juga para pendatang yang mula membentuk *habitus* sedemikian.

Pendapat-pendapat yang diutarakan menunjukkan bahawa satu atribut yang ketara dalam sifat *kiasu* ini ialah menjadi yang terbaik. Setakat ini, Singapura telah berjaya meraih banyak pengiktirafan dunia sebagai terbaik dalam pelbagai industri. Sifat ini juga membantu penakatan Singapura dalam menghadapi cabaran sifar sumber alam semulajadi dengan berbekalkan modal insan. Kini, Singapura merupakan negara pembekal air, minyak, teknologi, dan kepakaran kepada negara-negara lain. Pembangunan industri perkapalan Singapura bukan hanya menyediakan prasarana perkapalan termoden dan canggih tetapi juga membangunkan pelantar-pelantar minyak di seluruh dunia. Malah, Singapura sebagai sebuah negara tanpa salji telah mencipta kapal pemecah ais pertama di dunia. Dalam negeri pula Singapura berjaya mengatasi masalah kekurangan bekalan air minum melalui proses penyulingan air, masalah perumahan melalui pembangunan rumah-rumah pangsa awam yang kini menjadi aset mewah bagi rakyat Singapura sebagai batu loncatan kepada peningkatan status sosio-ekonomi. Malah, beberapa inisiatif yang diperkenalkan untuk mengatasi masalah kesesakan jalanraya membawa keuntungan yang lumayan kepada belajawan Singapura. Misalnya, sistem sijil hak milik kenderaan atau *certificate of entitlement* (COE) yang diperkenalkan pemerintah dengan tujuan mengawal jumlah kenderaan di jalanraya sekaligus mengurangkan kesesakan jalanraya, telah menyumbang SGD 5.08 billion dolar (Samuel, 2016) kepada belanjawan Singapura bagi tahun 2015.

Setelah hampir sedekad COE diperkenalkan, Singapura memperkenalkan pula sistem Bayaran Elektronik Jalanraya atau *Electronic Road Pricing* (ERP) merupakan sebuah sistem tol elektronik untuk mengawal jumlah lalulintas di kawasan-kawasan dan jalan-jalan serta lebuh raya yang sering mengalami kesesakan lalu lintas khususnya pada waktu sibuk. Ia mula diperkenalkan pada tahun 1998 dan merupakan yang pertama diperkenalkan di dunia. Kearifan seumpama ini juga menambah pendapatan negara. Ia juga bakal membantu mengawal jenayah yang melibatkan kenderaan dan menyumbang kepada keselamatan dalam negara apabila sistem imbasan satelit dilaksanakan pada 2020.

Kearifan dalam mengkonstruksikan idea menjana pembangunan dalam negeri bagi pelbagai sektor dan industri serta penyerantauan sumber dan ilmu Singapura ke luar negara telah membawa pulangan yang menggalakkan. Pada Disember 2015, rizab luar negara Singapura berdasarkan laporan Kementerian Kewangan Singapura ialah SGD 350 bilion.

Portfolio syarikat pelaburan Singapura Temasek Holdings pula berjumlah SGD 266 bilion pada 31 Mac 2015. Singapura membangun daripada sebuah negara sifar sumber kepada sebuah negara pengitar dan penjana sumber serta pengeksport modal insan yang berjaya. *Kiasuisme* membawa kesan positif dalam peranannya melentur pencapaian Singapura.

3.0 Falsafah Bilingualisme Singapura

Kemampuan Singapura menjadi sebahagian daripada ekonomi dunia yang berjaya dalam masa yang sama mengekalkan jati diri etnik adalah keunikan yang lahir daripada dasar bilingualisme Singapura. Perdana Menteri Pertama Singapura, Lee Kuan Yew (Lee, 2000, hal. 181) menyatakan bahawa memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa utama membantu mengelakkan konflik pelbagai etnik di Singapura sekaligus memanfaatkan negara kerana Inggeris merupakan bahasa perhubungan antarabangsa bagi perniagaan, diplomasi, sains, dan teknologi. Bahasa yang neutral seperti Inggeris lebih mudah diterima sebagai bahasa penyatuan etnik kerana ia tidak mempunyai kekangan budaya etnik, malah ia mempunyai prestij sebagai bahasa yang luas penggunaannya di dunia (Asmah Haji Omar, 1998). Bahasa Inggeris meletakkan Singapura di persada dunia dari segi perbankan dan mengundang syarikat-syarikat multinasional ke Singapura. Ia juga memudahkan rakyat Singapura memesrakan diri dengan komputer dan internet apabila ia mula diperkenalkan. Jelas, dasar bilingualisme Singapura adalah berteraskan model *language rationalization policy* (Mohamed Aidil Subhan Sulor, 2013, hal. 47) kerana bahasa yang menyumbang kepada mobiliti sosial, kesamaan identiti dan efisien akan diberikan perhatian dan kedudukan yang lebih utama.

Sistem bilingualisme Singapura sangat unik kepada Singapura. Ia direka mengikut keperluan penakatan Singapura berdasarkan lapan prinsip (Lee, 2011, hal. 224-231, dipetik daripada Mohamed Aidil Subhan Sulor, 2013, hal. 48-51). Ia menjadi landasan rangka kerja bilingualisme Singapura sejak Singapura berpisah daripada Malaysia hingga ke hari ini. Prinsip pertama menyaksikan pemerintah Singapura menjadikan dasar bahasa sebagai instrumen penting bagi mencapai objektif kepentingan nasional dan keperluan pentadbiran negara. Bahasa Inggeris dipilih sebagai bahasa penyatuan rakyat Singapura yang pelbagai budaya, bahasa, bangsa dan agama. Bahasa Inggeris dipilih kerana ia merupakan bahasa

pentadbiran yang ditinggalkan oleh pihak British. Dalam pada itu bahasa Ibunda dijadikan bahasa kedua.

Prinsip kedua ialah dasar bahasa boleh menjadi kunci kepada kejayaan ekonomi. Bahasa Inggeris dapat membantu Singapura kerana ia merupakan bahasa pentadbiran yang sudah mantap sejak zaman British. Ia juga memudahkan syarikat-syarikat besar untuk membuka pusat penyelidikan dan kilang-kilang di Singapura dengan kehadiran para pekerja Singapura yang berbahasa Inggeris. Keadaan ini meningkatkan pekerjaan bagi rakyat sekaligus membangunkan taraf hidup rakyat Singapura. Ketiga, bahasa bukan hanya berfungsi sebagai alat perhubungan tetapi menyampaikan nilai. Setiap bahasa etnik dipercayai mempunyai nilai, warisan, dan budaya yang wajar dilestarikan dan diajar kepada generasi selanjutnya. Keempat, dwibahasa perlu diajar seawal usia kanak-kanak lagi di peringkat prasekolah agar setiap warga generasi seterusnya mendapat pendedahan terhadap pragmatik dwibahasa seawal mungkin. Pemupukan seumpama ini membantu mereka menyesuaikan diri dengan alam sedemikian sekaligus membentuk kecekapan penggunaan bahasa mengikut konteks keperluan bahasa tersebut.

Prinsip pertama hingga keempat merupakan rangka bagi pembentukan asas dasar bilingualisme dalam diri setiap warga Singapura sesuai dengan keperluan pembangunan negara. Ia bersifat pragmatik berteraskan ekonomi di mana pragmatisme atau penakatan diletakkan di pundak strategi negara dalam usaha membangunkan ekonomi. Ia mengatasi segala norma (seperti pengawalan sosial) asalkan ia membantu pembangunan ekonomi (Chua, 1995). Pragmatisme diilhamkan daripada latar sosio-sejarah Singapura yang bergejolak dengan masalah perpecahan etnik dan perbezaan linguistik setelah pihak British memberikan kuasa kepada pemerintahan tempatan pada 1959. Ia diburukkan lagi dengan sistem pendidikan yang berpecah kepada empat bahasa (Inggeris, Cina, Melayu, dan Tamil) sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Mereka yang tidak berpendidikan Inggeris merupakan kumpulan yang amat kecewa dengan pihak Inggeris kerana tidak menyediakan lebih banyak kemudahan dan sokongan bagi pembelajaran bahasa-bahasa lain selain Inggeris (Gopinathan, 2001, hal. 7). Mereka juga mempunyai masalah mendapatkan pekerjaan kerana tidak menguasai bahasa Inggeris. Akibatnya mereka cuba mendapatkan sokongan kurikulum pendidikan daripada sumber luar dengan tujuan berpaksi kepada budaya etnik dan ideologi

masing-masing. Ini menimbulkan masalah ideologi kerana masyarakat Cina mendapatkan buku-buku teks daripada China yang mempunyai banyak pengaruh Komunis manakala masyarakat Melayu pula menggunakan buku-buku teks yang sarat dengan ideologi dan budaya tempatan (Ho, 2006, hal. 16).

Latar belakang seumpama ini memaksa pemerintah memperkenalkan sebuah sistem pendidikan yang universal melalui perubahan dasar pendidikan Singapura. Sistem ini mengetengahkan ideologi sebuah masyarakat yang berbilang kaum atau multietnik dan multilingual. Ia sekaligus memamatkan protes daripada golongan yang tidak berpendidikan Inggeris. Di sini bermulanya pengenalan konsep empat bahasa rasmi Singapura, iaitu Inggeris, Melayu, Mandarin, dan Tamil. Bahasa Inggeris diklasifikasikan sebagai bahasa pertama yakni bahasa pentadbiran dan pengantar di sekolah-sekolah serta dalam semua sektor pemerintah. Ia digunakan di dalam sektor komersial, ekonomi, sains, teknologi, pendidikan, dan perhubungan antara etnik. Bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil diklasifikasikan sebagai bahasa kedua yang berperanan sebagai penatar budaya yakni memupuk jati diri kaum dan memudahkan hubungan harmoni antara kaum berteraskan toleransi budaya. Bahasa Melayu juga diangkat sebagai bahasa kebangsaan Singapura memandangkan kedudukan Singapura di dalam rumpun Melayu di Nusantara. Namun demikian, konsep bahasa kebangsaan di Singapura lebih bersifat upacara semata (Riney, 1998, hal. 9). Polarisasi bahasa seumpama ini meningkatkan keutamaan kepada fungsi setiap bahasa sekaligus merasionalisasikan penggunaannya dan pembelajarannya di sekolah (Bokhorst-Heng, 1999).

Bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil menjadi bahasa Ibunda kerana peranannya. Pihak Bangsa-Bangsa Bersatu mendefinisikan bahasa Ibunda sebagai bahasa yang digunakan oleh seseorang individu di rumah dan semasa zaman kanak-kanaknya. Ini bermakna bahasa tersebut tidak semestinya digunakan lagi pada hari ini (Lieberson, 1969, hal. 291). Namun demikian, dalam konteks Singapura bahasa Ibunda seseorang itu ditentukan bukan berdasarkan kecekapan penggunaannya tetapi berpusat kepada etnik bapanya. Ini menghadkan bahasa Ibunda kepada tiga, iaitu Melayu, Mandarin, dan Tamil. Seorang bapa Cina akan memberikan anaknya bahasa Mandarin sebagai bahasa Ibunda. Manakala, bapa Melayu akan memberikan bahasa Melayu dan bapa India akan memberikan bahasa Tamil (Beardsmore, 1998 dipetik Garcia, 2009, hal. 10). Ini merupakan satu lagi penyesuaian yang

dilakukan di Singapura dalam dasar bahasa. Dasar ini menentukan bahasa Ibunda yang dipelajari di sekolah. Setiap pelajar hanya boleh mempelajari bahasa Ibunda masing-masing berdasarkan etnik mereka. Dalam erti kata lain pelajar tiada pilihan. Pengenalan dasar ini amat penting dengan tujuan memastikan bahasa Ibunda terus mendapat tempat dalam kalangan rakyat Singapura kerana setelah pengenalan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi pembelajaran matematik dan sains pada 1966, ramai ibu bapa yang tidak lagi menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah etnik Melayu, Cina, dan Tamil. Pada 1979 didapati jumlah kemasukan ke sekolah-sekolah tersebut sangat rendah dan hampir tiada (Dixon, 2005). Ini membawa kepada penutupan sekolah-sekolah tersebut. Justeru, dasar bilingualisme perlu disesuaikan demi memastikan bahasa Ibunda terus berkembang selaras dengan keperluan humanistik dalam pembangunan negara yang berteraskan modal insan. Bahasa Ibunda perlu kekal sebagai *software* budaya yang diprogram di dalam jiwa penuturnya (Goh, 1979, hal. 5).

Tay (dipetik daripada Ruani, 2011, hal. 54) merumuskan bahawa dasar bilingualisme Singapura, “[Singapore’s brand of bilingual education]: meets aspirations and desires of the different language communities we have in Singapore, without causing any one group to lose out, but at the same time giving all the advantages of an economic role in this open society of ours that has to deal with countries all over the world.” (Tay, 1990, hal. 6). Tay yakin bahawa dasar bilingualisme berkemampuan menyediakan rakyat Singapura untuk berdepan dengan perkembangan ekonomi dunia dan dalam masa yang sama memelihara aspirasi dan keperluan mereka sebagai anggota etnik sesebuah komuniti.

Prinsip kelima memaparkan sifat dinamik bilingualisme Singapura yakni perubahan perlu diperkenalkan untuk memastikan bahawa bahasa Inggeris terus menjadi teras dalam diri setiap individu. Prinsip ini timbul atas kesedaran bahawa manusia lazimnya hanya mampu menguasai satu bahasa sahaja. Maka, prinsip keenam menekankan keperluan menanam kepakaran dalam satu bahasa utama yang diperlukan untuk seseorang itu mencapai kecekapan dalam berbahasa. Dalam masa yang sama prinsip ketujuh memerikan keperluan dalam kepelbagaian pendekatan agar pelajar yang lebih cenderung kepada bahasa Ibunda diberikan lebih banyak peluang dan ruang bagi mendalami bahasa tersebut hingga ke peringkat tinggi.

Prinsip kelima hingga tujuh dengan jelas menunjukkan bahawa dasar bilingualisme Singapura sangat dinamik sesuai dengan keperluan zaman dan perubahan masyarakat. Ini ternyata dengan perubahan dan penyesuaian dasar pendidikan bahasa Ibunda agar kewujudannya menjadi komplemen kepada pembangunan negara dan bukan sebaliknya. Ini berlaku apabila masyarakat pelajar khususnya lebih cenderung kepada bahasa Inggeris daripada bahasa Ibunda. Akibatnya terdapat para pelajar yang gagal dalam peperiksaan nasional bagi bahasa Ibunda sekaligus menjejaskan peluang mereka untuk masuk ke universiti tempatan. Maka, pada tahun 1999, pihak Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) memperkenalkan mata pelajaran baharu, iaitu bahasa Ibunda sukatan pelajaran B (*Syllabus B*) dengan tujuan mempermudah pengajaran dan pembelajaran para pelajar yang menghadapi kepayahan mengikuti sukatan pelajaran biasa. Subjek ini mempersiapkan pelajar dengan kecekapan asas bahasa Ibunda. Para pelajar yang mendapat gred C ke bawah bagi mata pelajaran bahasa Ibunda di Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) akan diberikan peluang untuk mengikuti mata pelajaran ini apabila mereka memasuki sekolah menengah dan seterusnya ke maktab rendah.

Pada tahun 2004 pula, MOE mengumumkan bahawa gred bagi bahasa Ibunda tidak lagi perlu diambil kira untuk agregat keseluruhan bagi kemasukan ke universiti tempatan. Tindakan ini bertujuan memberikan pelajar yang lemah dalam bahasa Ibunda peluang untuk memasuki universiti tempatan tanpa menggunakan gred bahasa Ibunda yang boleh menjejaskan kiraan keseluruhan agregat masukan universiti. Penyesuaian ini membantu para pelajar yang sebelum ini tidak dapat memohon ke universiti tempatan dan terpaksa ke universiti luar negara atau meneruskan pelajaran di politeknik ataupun keluar bekerja. Keadaan ini merugikan sumber intelektual negara. Jika dibiarkan, Singapura boleh mengalami *brain drain* apabila para pelajar yang belajar di luar negara mengambil keputusan untuk tidak pulang ke Singapura tetapi menyumbang kemahiran dan kepakaran intelektual mereka di luar negara. Pemerintah juga memperkenalkan bahasa Ibunda peringkat lanjutan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Dua buah program elektif bahasa Melayu untuk sekolah menengah (EMAS) dan di peringkat maktab (MLEP) juga diperkenalkan untuk memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai kecekapan yang baik dalam bahasa Melayu untuk mendalami bahasa tersebut. Satu lagi program yang diperkenalkan untuk menggilap bahasa

Ibunda para pelajar ialah program khas Melayu (MSP) dan Cina (CSP) bagi pelajar di peringkat sekolah menengah.

Perubahan dan penyesuaian yang dilakukan adalah atas desakan masyarakat yang mendapati profil pelajar hari ini semakin berubah apabila kecekapan dan keupayaan bahasa Ibunda semakin rendah dengan latar belakang ibu bapa yang mula menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa asas komunikasi. Akibatnya pelajar tidak mendapat pendedahan yang mencukupi kepada bahasa Ibunda di rumah. Ini menjejaskan prestasi dan kemampuan mereka. Pemerintah akhirnya akur dengan desakan seumpama ini dan mula merubah dasar yang mungkin sudah kurang sesuai dengan perkembangan semasa. Ini selaras dengan prinsip kelapan yang mana dasar bahasa akan terus berkembang dan disesuaikan mengikut keperluan zaman dan keadaan demi memastikan ia terus menjadi instrumen penting dalam mencapai objektif kepentingan nasional dan keperluan pentadbiran negara.

3.1 Pembentukan Identiti Nasional

Prinsip-prinsip yang dibincangkan merupakan satu proses memastikan adanya keseimbangan antara keperluan negara (bahasa Inggeris) dan pembangunan insan (bahasa Ibunda). Percubaan ini akhirnya menghasilkan identiti nasional Singapura. Romaine (2013, hal. 461) dalam membicarakan bilingualisme Singapura, merumuskan bahawa tujuan Lee Kuan Yew memperkenalkan dasar bilingualisme ialah atas keperluan perancangan identiti yang timbul daripada kesedaran akan kepentingan mematrikan nilai-nilai Asia dalam diri generasi muda bukan nilai asing atau Barat. Keperluan ini menjadi ketara kerana amalan bilingualisme. Triandis (1994) mendapati bahawa seorang pengguna bahasa itu biasanya akan menghayati budaya yang hadir bersama dengan sesuatu bahasa. Maka, dalam seorang bilingual tentunya akan mudah terpengaruh dengan kedua-dua budaya bahasa yang digunakan yang sekaligus membentuk identiti sosialnya (Anzaldúa, 1987; Hayes-Bautista, 1999). Kesedaran ini menyebabkan pemerintah bergerak lebih giat dalam memartabatkan bahasa Ibunda di Singapura. Justeru, usaha pengekalan budaya dan warisan Cina di Singapura, misalnya, mendapat dukungan dan sokongan padu pemerintah dalam usaha memastikan bahawa masyarakat Cina tidak kehilangan warisan mereka kesan pengaruh bahasa Inggeris yang semakin ketara dan berpengaruh di Singapura.

Rumusan Romaine dikukuhkan lagi dengan usaha tekal dan tegar pemerintah dalam membangunkan satu sekitaran mesra identiti Cina di Singapura. Lee (1999) memberikan gambaran holistik tentang usaha tersebut bermula dengan kempen nasional *Speak Mandarin Campaign* pada tahun 1979 dengan tujuan menggalakkan dan memupuk penggunaan bahasa Mandarin dalam kalangan kaum Cina, khususnya. Ia merupakan satu usaha pembasmian dialek Cina demi penyatuan masyarakat Cina setempat dengan pelahiran suasana bahasa Mandarin secara holistik di Singapura. Ini sesuai dengan pengenalan ‘Sekolah Rancangan Bantuan Khas’ (SAP schools) bagi kaum Cina yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar sepenuhnya bermula 1979 dalam usaha mengekalkan budaya pengajaran dan pembelajaran terbaik di sekolah-sekolah aliran Cina pada waktu dahulu. Sekolah ini merupakan sekolah elit di Singapura yang hanya menerima kemasukan pelajar yang boleh berbahasa Cina. Pelajar Cina juga boleh meneruskan pengajian di Politeknik Ngee Ann untuk mendapatkan diploma dalam Pengajian Cina. Program ini memberikan mereka peluang untuk meneruskan pengajian di Institut Pendidikan Nasional dan melalui latihan sebagai guru bahasa Cina. Para pelajar dan orang perseorangan yang berminat mempelajari mahupun mendalami warisan Cina boleh melakukan sedemikian di Institut Confusius di Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Institut ini dibuka pada tahun 2005 setelah satu perjanjian dimeterai antara NTU dan pihak Kementerian Pendidikan Republik Cina. Usaha ini selaras dengan rancangan global pemerintah China untuk memupuk kerjasama dalam bidang budaya dan perniagaan dengan negara-negara lain.

Pemerintah juga memberikan ruang kepada masyarakat Melayu dan India untuk merealisasikan usaha masing-masing dalam menyuburkan bahasa dan warisan mereka. Ini membawa kepada bermulanya kegiatan ‘Sambutan Bulan Bahasa Melayu’ dan ‘Sambutan Bulan Bahasa Tamil’ dengan sokongan dana daripada pemerintah. Pengawalan mutu dan pemerhatian perkembangan bahasa Melayu mendapat sokongan pemerintah dengan penglibatan Singapura sebagai pemerhati di sesi MABBIM sejak 1986 dan juga sebagai anggota penuh MASTERA bermula tahun 2012. Selain itu, pemerintah juga menubuhkan Majlis Seni Kebangsaan pada 1991 dengan tujuan memupuk pembangunan seni dan budaya di Singapura bagi semua kaum. Penubuhan ‘Mendaki’, ‘Sinda’, dan ‘Chinese Development Council’ merupakan satu lagi usaha memastikan setiap etnik mempunyai institusinya sendiri untuk mendapatkan bantuan dan sokongan pendidikan ke arah kecemerlangan selain prasarana yang disediakan pemerintah.

Usaha pemerintah Singapura sebenarnya menuju ke arah pembentukan rasa jati diri atau keterikatan identiti sosial terhadap negara dan kaum masing-masing. Tajfel (1974) menjelaskan bahawa identiti sosial merujuk kepada sebahagian daripada konsep mandiri seseorang individu yang dibentuk melalui pengetahuannya yang didapatinya sebagai anggota sesebuah kumpulan sosial serta keterikatan emosi sebagai ahli anggota kumpulan tersebut (hal. 69). Dalam konteks Singapura, pemerintah cuba menanam rasa keterikatan dalam kalangan rakyatnya terhadap jati diri sebagai rakyat Singapura dan terhadap kaum masing-masing dengan harapan mengelakkan persaingan negatif yang boleh membawa kepada perbalahan kaum.

Ini dilakukan dengan berkesan melalui bilingualisme yang berjaya memanfaatkan empat faktor sosio-psikologi yang mempengaruhi rasa kekitaan seseorang itu terhadap kumpulannya. Faktor-faktor tersebut adalah pengkategorian sosial, identiti sosial, perbandingan sosial, dan keunikan psikologikal. Pengkategorian sosial merupakan faktor yang paling penting kerana ia menunjukkan sejauh mana sesebuah kumpulan itu terserlah berbanding dengan kumpulan lain. Kedudukan seumpama ini akan mempengaruhi jati diri para anggotanya yang mula membandingkan dirinya dengan kumpulan lain. Keadaan ini akhirnya memerikan rasa keunikan dalam dirinya sebagai anggota kumpulan yang lebih terserlah. Keunikan ini juga dipaparkan melalui penggunaan bahasa. Keunikan psikologi ditentukan oleh keadaan kumpulan yang stabil dan kewibawaan kumpulan tersebut yang akan memastikan sama ada anggotanya akan kekal di dalamnya atau bergerak kepada kumpulan yang lebih terserlah.

Rakyat Singapura merupakan anggota negara Singapura yang maju dan berjaya dalam banyak lapangan. Maka, menjadi rakyat Singapura merupakan satu keistimewaan kerana citra sebuah negara yang bertaraf dunia. Tentunya rakyat Singapura ingin terus mengekalkan identitinya sebagai rakyat negara tersebut. Dalam masa yang sama setiap masyarakat juga ingin terus mengekalkan keanggotaan mereka dalam kumpulan etnik masing-masing yang kaya dengan warisan bangsa, bahasa, budaya, dan agama memandangkan sistem pendidikan Singapura memberikan tumpuan dan kepentingan kepada bahasa Ibunda yang dirasmikan sebagai penatar budaya setiap kaum. Keserasian ini membawa keharmonian dalam kalangan

rakyat Singapura kerana mereka boleh mencapai kedudukan yang sama tinggi melalui prestasi masing-masing yang dimudahkan oleh penguasaan bahasa Inggeris serta memelihara keunikan etnisiti masing-masing melalui bahasa Ibunda.

Perkara ini dapat dilakukan kerana teori identiti sosial menjelaskan wujudnya strategi yang dapat direalisasikan melalui proses kreativiti sosial yang merujuk kepada usaha sesuatu kumpulan untuk mengukuhkan kedudukan mereka melalui cara-cara yang kreatif agar anggota kumpulan tersebut terangsang untuk menilai semula kemampuan kumpulan mereka. Teori ini juga menjelaskan wujudnya satu usaha padu dalam mereka semula ciri-ciri negatif dengan menjadikan ia positif. Ini dilakukan dengan tidak melihat ciri-ciri tersebut sebagai sesuatu yang memalukan atau melemahkan. Sebaliknya, setiap anggota cuba hidup dengan ciri-ciri tersebut dengan penuh iltizam sehingga ia dianggap sebagai suatu yang positif dan membangun.

Hampir lima dekad setelah bilingualisme menjadi nadi rakyat Singapura, kajian terkini oleh Institut Kajian Dasar (IPS) (Mathews, 2015) melibatkan 4131 orang responden membuahkan beberapa dapatan yang memberikan gambaran tentang tanggapan mereka terhadap bangsa, bahasa, dan agama di Singapura daripada pelbagai perspektif. Satu daripada dapatan yang menarik ialah 79% responden mengakui bahawa Singapura dan identiti Singapura adalah penting bagi mereka berbanding dengan bahasa (73%), bangsa (71%), dan agama (57%).

Dapatan ini sangat signifikan kerana kajian ini melibatkan responden daripada pelbagai latar sosioekonomi dan pendidikan. Ia bermakna bahawa rakyat Singapura sudah mula melihat diri mereka sebagai satu masyarakat homogen bukan lagi golongan etnik yang berbeza. Ini juga bermakna bahawa sistem bilingualisme Singapura yang memberikan tumpuan kepada penyatuan melalui bahasa Inggeris dan kepelbagaian melalui bahasa Ibunda sudah menampakkan kesannya dalam membentuk sebuah identiti Singapura. Malah, persepsi terhadap penyatuan rakyat berbilang kaum juga semakin ketara kerana kajian ini mendapati bahawa ramai responden mempunyai tanggapan yang sama, iaitu bahasa seseorang itu tidak menentukan peluang pekerjaan dan taraf kehidupan. Hampir 80% responden pula mengatakan bahawa mereka jarang atau tidak pernah terkesan atau menjadi mangsa kepada

ketegangan bangsa dan agama dalam tempoh 2 tahun yang lalu, dan percaya bahawa Singapura bebas daripada ketegangan bangsa dan agama. Lebih daripada 90% pula setuju bahawa mereka boleh hidup secara harmonis dengan bangsa lain dalam pelbagai konteks sama ada dalam pekerjaan, sebagai sahabat rapat, sebagai jiran, mahupun sebagai bangsa minoriti atau majoriti. Kajian IPS merumuskan bahawa rakyat Singapura rata-rata masih mengaitkan diri mereka dengan bangsa, agama, dan kerakyatan.

Kehormonian rakyat berbilang kaum di Singapura berjaya dilakukan melalui strategi sosialisasi yang unik. Pembentukan pusat penjaja (*Hawker Centre*) di Singapura banyak menyumbang kepada hal ini. Begitu juga dengan perkhidmatan negara yang wajib dilalui oleh semua belia lelaki apabila mencapai usia 18 tahun (Ganon & Pillai, 2010). Sistem pusat penjaja Singapura memastikan bahawa semua bangsa diletakkan di bawah satu bumbung sekaligus menghasilkan satu hentian makanan bagi semua bangsa dan kepercayaan. Ia membantu menggalakkan interaksi berbilang kaum dan menanam sifat toleransi dan saling membantu. Lazimnya, para penjaja akan bersembang sesama penjaja dan pengunjung juga dapat menikmati makanan daripada bangsa lain sambil bersantai. Ia menyediakan satu platform untuk semua bangsa bersatu sambil menikmati juadah etnik masing-masing. Para penjaja biasanya melanggan para pembekal daripada kaum lain untuk menyediakan bahan keperluan bagi gerai masing-masing.

Perkhidmatan Negara (*National Service*) pula membantu memupuk rasa kenegaraan dalam kalangan belia melalui latihan regimentasi yang lasak. Latihan yang sedemikian menguatkan lagi rasa jati diri nasional dalam setiap belia berbilang bangsa di bawah satu bumbung yang sama. Pengalaman melalui latihan bersama menyedarkan mereka tentang adanya kesatuan nilai kemanusiaan dan toleransi dalam diri masing-masing demi penakatan. Penyatuan ini juga mudah direalisasikan memandangkan mereka mempunyai satu bahasa komunikasi yang universal, iaitu bahasa Inggeris. Dalam masa yang sama toleransi bangsa-bangsa lain terhadap bahasa Melayu dapat dirasakan kerana bahasa perintah di dalam latihan tentera ialah bahasa Melayu.

Nyanyian lagu kebangsaan negara 'Majulah Singapura' dalam bahasa Melayu pada setiap pagi oleh semua pelajar dan guru di setiap penjuru Singapura menambahkan lagi keyakinan dalam kalangan masyarakat Melayu bahawa bahasa mereka masih dijulang negara

walaupun mereka golongan minoriti. Ia menghidupkan semangat Melayu di Singapura. Ia juga memupuk kesedaran kepada bangsa lain bahawa bahasa Melayu adalah bahasa peribumi Melayu Singapura. Namun demikian, yang lebih penting lagi ialah bangsa lain menunjukkan toleransi yang tinggi terhadap bahasa dan bangsa Melayu. Pemerintah Singapura terus menekankan peri pentingnya mengekalkan lagu tersebut di dalam bahasa Melayu sehingga kini.

Satu faktor yang menyumbang kepada penyatuan semua bangsa di Singapura ialah bahasa *Singlish* yakni Inggeris versi Singapura. Ia merupakan bahasa hibrid yang di dalamnya termuat bahasa Inggeris, Cina, Melayu, dan Tamil. Ia melambangkan aspirasi, identiti, perwatakan linguistik, fitur tatabahasa, kosakata, dan konsep semantik setiap kaum yang termuat di dalam sebuah bahasa “Inggeris watan”. Frasa yang paling popular dalam *Singlish* ialah akhiran *lah* daripada bahasa Melayu. Ia digunakan dengan meluas sekali seperti dalam kombinasi bahasa Inggeris dan Melayu *canlah* atau gabungan frasa Cina dan Melayu seperti *cincailah* yang bermaksud *tidak bersungguh-sungguh atau sembarangan*.

Singlish wujud dan mekar kerana bilingualisme. Ia merupakan bahasa yang menjadikan Singapura kediaman bagi semua bangsa. Ia memecahkan kebekuan etnik dalam kalangan rakyat Singapura dan menjana ikatan yang berpanjangan sehingga menjadi kebanggaan nasional melalui penggunaan leksikon dan nuansa berteraskan budaya. Satu perkara yang menarik ialah *Singlish* merupakan kearifan tempatan yang lahir daripada rakyat sendiri tanpa ada sebarang perancangan, dasar, mahupun institusi yang mengajar bahasa tersebut. Ia membentuk jati diri Singapura. Buktinya jelas sekali dalam banyak catatan pengalaman yang dikongsi. Misalnya, ahli akademik Kirpal Singh (2005) pernah berkongsi pengalamannya semasa di sebuah hotel di Hong Kong. Pada suatu hari beliau sedang berada di lobi hotel tersebut dan ternampak dua orang sedang bertengkar dengan penyambut tamu di hotel tersebut. Beliau mendekati pasangan berbangsa Cina itu dan mereka memberitahunya, “You know lah, these guys are trying to ketuk us... my girlfriend and I feel we are being conned, bullied?” Beliau serta merta tahu bahawa mereka berasal dari Singapura kerana penggunaan *Singlish* yang sangat ketara. Beliau juga berbual dengan mereka dengan menggunakan *Singlish*. Justeru, *Singlish* bukan hanya menyumbang kepada aspek

komunikasi tetapi ia menaman keharmonian rakyat yang berbilang kaum dalam menyumbang kepada pembangunan nasional.

Kiasuisme dan *Singlish* merupakan dua atribut rakyat Singapura yang paling ketara sehinggakan menjana idea bagi para pembuat filem tempatan untuk menghidupkannya di dalam filem dan rancangan televisyen. Pembuat filem terkemuka Singapura, Jack Neo misalnya, mendapat idea untuk menghidupkan perwatakan rakyat Singapura melalui filem-filemnya dengan menonjolkan keunikan Singapura. Filem-filem Singapura seperti 'Army Daze' (1996), 'Money No Enough' (1998), 'I not Stupid' (2002), dan 'Ah Boys to Men' (2012) benar-benar mewakili budaya rakyat Singapura yang *kiasu*. Filem 'Army Daze' dan 'Ah Boys to Men' sangat sesuai dengan belia lelaki rakyat Singapura yang menjalani perkhidmatan negara sebagai *rite de passage* yang wajib. Filem-filem ini dapat dinikmati, difahami, dan dihayati dengan mudah dan berkesan sehingga ia menjadi ikon penerbitan Singapura. Inisiatif seumpama ini memekarkan industri filem negara. Filem seumpama ini menjadi model kepada penghasilan rancangan-rancangan tempatan selanjutnya. Kini rancangan tempatan semakin mendapat sambutan dan perhatian rakyat Singapura. Satu ciri utama filem-filem tersebut ialah penggunaan *Singlish* yang benar-benar dekat di hati rakyat Singapura.

Dapatan IPS menunjukkan bahawa dasar bilingualisme tidak menghapuskan identiti etnik rakyat Singapura. Malah, ia menjadi alat yang berkesan dalam memberikan keseimbangan dari segi pembentukan identiti kerana dari sudut identiti bangsa semua bangsa masih ingin menggunakan identiti etnik di dalam kad pengenalan mereka, yakni Melayu, Cina, dan India. Ini membuktikan bahawa rakyat Singapura masih ingin mengekalkan citra etnik masing-masing sekaligus menunjukkan bahawa bilingualisme tidak semestinya menjejaskan etnisiti. Rakyat Singapura sebenarnya berjaya membezakan keperluan penggunaan dan kepentingan bahasa mengikut keperluan penakatan yakni bahasa Inggeris untuk ekonomi dan pekerjaan sementara bahasa Ibunda untuk pengekalan warisan dan etnisiti. Kemampuan ini disokong oleh dapatan terkini Jabatan Statistik Singapura yang melaporkan bahawa kadar literasi Singapura bagi 2015 adalah 97% dan kadar penduduk yang menggunakan dua atau lebih bahasa ialah 73.2%. Ini membuktikan bahawa bilingualisme di Singapura berjaya menjadikan bahasa Inggeris dan bahasa Ibunda wadah komunikasi bagi rakyat Singapura.

3.2 Melayu dan Bilingualisme

Kajian Mohamed Pitchay Gani Aziz (2014) terhadap keberdayaan etnolinguistik Melayu di Singapura merumuskan bahawa masyarakat Melayu umumnya dapat membezakan kepentingan bahasa berdasarkan fungsinya. Penutur Melayu menggunakan bahasa Inggeris untuk tujuan ekonomi dan pekerjaan, dan bahasa Melayu untuk tujuan budaya dan warisan. Malah, bilingualisme membantu masyarakat Melayu dari segi pragmatik bahasa dan tradisi mereka. Kajian Mohamed Pitchay Gani Aziz dan IPS menghasilkan dapatan yang sama dari segi keakraban bangsa dan agama dengan identiti. Dari sudut bangsa dan agama, bangsa Melayu menunjukkan peratusan yang tertinggi sekali berbanding dengan bangsa-bangsa lain dari segi pentingnya bangsa dan agama dalam identiti mereka. Kajian IPS mendapati dari segi bangsa, Melayu (52%), Cina (23%), dan India (28%). Dari segi agama pula Melayu (70%), Cina (16%), dan India (37%). Malah, 64.8% responden Melayu dalam lingkungan usia 18 hingga 25 tahun meletakkan agama sebagai yang paling penting bagi identiti keseluruhan mereka. Begitu juga dengan 63.5% responden Melayu yang berkelulusan universiti. Kepentingan agama secara langsung membantu menjaga kestabilan penggunaan bahasa Melayu dalam situasi bilingualisme kerana agama sebenarnya memainkan peranan yang lebih ketara daripada bahasa dan budaya sebagai penatar bahasa kepada generasi muda (Asmah Haji Omar, 2008).

Kajian Mohamed Pitchay Gani Aziz melibatkan 2435 belia dari usia 6 hingga 25 tahun mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu, sikap terhadap bahasa Melayu, dan kecekapan dalam bahasa Melayu menunjukkan keberdayaan yang tinggi kerana suasana rumah, sekolah, kawan-kawan, dan agama masih membantu menyemai identiti Melayu dan ketaatan serta keakraban terhadap bahasa Melayu. Dapattannya menunjukkan bahawa 76% responden menggunakan bahasa Melayu di rumah dan 65% lebih selesa menggunakan bahasa Melayu. 96% pula masih menggunakan bahasa Melayu apabila bercakap dengan ibu, bapa, datuk, dan nenek. 80% daripada mereka menggunakan bahasa Melayu apabila berbual dengan kawan-kawan. Sementara 82% responden memilih bahasa Melayu bagi kegiatan agama. Dapatan ini juga boleh disokong dengan dapatan banci penduduk 2015 oleh Jabatan Statistik Singapura yang melaporkan bahawa bahasa Melayu terus menjadi bahasa utama yang digunakan di rumah dan masyarakat Melayu rata-rata adalah penganut agama Islam. Ini memberikan kolerasi bahasa Melayu sebagai pilihan dalam kegiatan agama. Masyarakat Melayu juga dilaporkan sebagai yang paling banyak menggunakan dua atau lebih bahasa

berbanding dengan bangsa Cina dan India. Tinjauan itu mendapati 9 daripada 10 orang Melayu Singapura menguasai dua atau lebih bahasa. Dapatan ini membuktikan masyarakat Melayu dapat menyesuaikan diri dengan bilingualisme demi panakatan.

Kajian Chong dan Seilhamer (2014) terhadap hubungan bahasa dengan penutur Melayu melalui aspek-aspek kepakaran bahasa, warisan bahasa, dan keakraban terhadap bahasa juga mendapati bahawa para responden mempunyai kemampuan bahasa yang baik, dan keakraban yang kukuh serta warisan yang berterusan terhadap bahasa dan budaya Melayu. Dapatan mereka adalah berdasarkan 50 mahasiswa universiti di Singapura dalam lingkungan usia 18-26 tahun. Golongan ini lahir dan dibesarkan di Singapura. Dapatan ini penting kerana golongan ini sering dianggap sebagai lebih mesra bahasa Inggeris kerana mereka rata-rata berada dalam golongan terbaik sejak di sekolah menengah kesan daripada dasar penyaluran atau *streaming* dalam sistem pendidikan Singapura yang mana golongan ini diletakkan di dalam kelas-kelas ekspres yang golongan majoritinya adalah bangsa Cina. Maka, mereka sewajarnya lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu (Mohamed Pitchay Gani Aziz, 2014). Chong dan Seilhamer (2014, hal. 376) merumuskan bahawa golongan belia Melayu mempunyai rasa pemilikan kumpulan etnik yang kuat sekaligus membuktikan kejayaan dalam usaha mewariskan nilai kesedaran kaum atau etnik menerusi bahasa. Kedua, para belia ini berjaya menanam rasa kepekaan terhadap bahasa Melayu melalui proses pendewasaan di sebalik kederasan pengaruh Inggeris di Singapura. Dapatan ini menjadi petanda kepada kejayaan usaha daripada pihak keluarga, sekolah, dan masyarakat Melayu dalam pengekalan bahasa dan identiti etnik Melayu. Dapatan daripada para penyelidik yang dibincangkan membuktikan bahawa kedudukan bahasa Melayu di Singapura dalam kalangan penuturnya adalah dalam tahap pengekalan bahasa yang positif memandangkan golongan yang mempunyai ikatan emosi yang kuat dengan bahasa dan budaya Melayu adalah daripada golongan muda yang bakal menjadi pembawa obor kepada generasi selanjutnya.

5.0 Kesimpulan

Konsep bilingualisme di Singapura memastikan bahawa rakyat Singapura dapat memanfaatkan kedua-dua bahasa untuk memenuhi keperluan pembangunan negara. Singapura menggunakan *rationalization model* yang mana kedua-dua bahasa dipilih dengan

mengetengahkan kelebihan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut. Maka, bilingualisme di Singapura adalah bersifat fungsional yang memberikan tumpuan kepada kecekapan penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks yakni bahasa Inggeris bagi perkara yang melibatkan ilmu antarabangsa dan penggunaan bahasa Ibunda bagi warisan dan budaya. Dasar ini secara tidak langsung melahirkan satu keunikan kepada bilingualisme di Singapura yang dikenali sebagai “English-knowing” bilingualism (Kachru, 1983, hal. 42). Konsep ini membawa kepada satu anjakan dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak yang mula bergerak daripada *sequential bilingualism* (berperingkat) kepada *simultaneous bilingualism* (seiringan) memandangkan kini kanak-kanak terdedah kepada kedua-dua bahasa sebagai bahasa pertama mereka. Dalam konteks seiringan ini, kanak-kanak itu tidak semestinya akan memupuk kecekapan dalam kedua-dua bahasa memandangkan konsep ini juga memberikan ruang untuk memupuk kemahiran dalam satu bahasa sahaja (Ehlers-Zavala, 2010). Dalam erti kata lain setelah 5 dekad, bilingualisme di Singapura menghasilkan kanak-kanak yang terdedah kepada kedua-dua bahasa sejak lahir tetapi membentuk kecekapan dalam bahasa Inggeris kerana pemupukan penggunaannya yang lebih meluas dalam pelbagai bidang. Dalam masa yang sama mereka mempunyai penguasaan yang memuaskan dalam aspek budaya dan warisan bangsa melalui bahasa Ibunda masing-masing.

Sistem pendidikan Singapura memainkan tugas penentu yang kritikal dalam mematrikan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan dengan menyediakan satu rangka kerja yang memberikan keseimbangan kepada peranan bahasa. Pemilihan dalam meletakkan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang lebih dominan dari segi kecekapan pragmatiknya adalah wajar memandangkan bahasa Ibunda mempunyai tugas yang lebih berat. Ia bukan hanya berfungsi dalam kecekapan komunikasi sosial tetapi juga dalam komunikasi budaya dan kecekapan berdwibahasa (Bourdieu, 1991). Selain alasan penyatuan, bahasa Inggeris membantu memberikan ruang bagi bahasa Ibunda untuk fokus kepada pemantapan warisan dan budaya memandangkan ia hanya boleh dilakukan oleh bahasa yang mesra dengan penuturnya atau bahasa Ibunda.

Satu cabaran yang jelas ialah bilingualisme boleh membawa kepada monolingualisme dalam jangka masa yang panjang sekiranya peranan bahasa yang kurang terserlah gagal diteruskan fungsinya. Pemerintah Singapura menyedari cabaran ini. Dasar yang memastikan

bahawa bahasa Ibunda terus dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah khususnya di peringkat sekolah rendah dan menengah merupakan satu cara yang konkrit dalam mendepani cabaran tersebut. Ini terbukti dengan keputusan peperiksaan peringkat nasional bagi semua peringkat setakat ini menunjukkan prestasi yang sangat menggalakkan bagi bahasa Ibunda khususnya bahasa Melayu yang melewati purata nasional bagi bahasa Ibunda secara keseluruhannya.

Kearifan dalam merancang dasar negara telah membentuk jati diri nasional Singapura yang menyumbang kepada pemupukan modal insan dan pembangunan negara. Jati diri nasional Singapura dimanifestasikan dalam rakyat yang (1) cekap dalam keperluan pragmatik bahasa Inggeris; (2) mewarisi nilai budaya bangsanya; (3) memupuk kemesraan melalui *Singlish*; dan (4) merangkul kemajuan dengan falsafah *Kiasuisme*. Kemampuan Singapura dalam menjadi sebahagian daripada ekonomi dunia yang berjaya dalam masa yang sama mengekalkan jati diri etnik adalah keunikan kearifan tempatan yang lahir daripada dasar bilingualisme Singapura.

Rujukan

- Anwei F. (ed). (2011). *Bilingual education and bilingualism: English language education across greater China*. Bristol, GBR: Channel View Publications. ProQuest ebrary. Web. 5 March 2016.
- Anzaldua, G. (1987). *Borderlands: La frontera*. San Francisco, CA: Aunt Lute Books.
- Asmah Haji Omar (2012). Capital knowledge of the indigenous: An appraisal of Za'ba's thought on language and linguistics. *Malaysia Journal of Language and Linguistics*, 1, 1-14.
- Asmah Haji Omar (1998). *Linguistic expressions and identity features: An investigation into the place of identity in the individual and the group*. Kertas disampaikan di third International Conference of the Faculty of Language Studies on 'The Role of Language in a Borderless World', Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Bokhorst-Heng, W. (1999). Singapore's speak Mandarin campaign: Language ideological debates in the imagining of the nation. In J. Bloommaert (ed.), *Language Ideological Debates* (pp. 235-265). Berlin: Mouton.
- Bourdieu, P. (1984). *Distinction: a social critique of the judgement of taste*. London, Routledge.
- Childs, M. R. (2004, August 13). The practical linguist: Welsh experiences of bilingualism. *The Daily Yomiuri* (Tokio), 14.
- Chong E. L. J. & Sielhamer M. F. (2014). Young people, Malay and English in multilingual Singapore. *World Englishes*, 33, 3, 363–377
- Chua, B. H. (1995). *Communitarian ideology and democracy in Singapore*. London and New York: Routledge.
- Dixon, L. Q. (2005). The bilingual education policy in Singapore: Implications for second language acquisition. In J. Cohen, T. M. Kara, K. Rolstad, and J. MacSwan (ed), *Proceedings of the 4th International Symposium on Bilingualism* (pp. 625-635). Somerville, MA: Cascadilla Press.
- Durai J. (2015, 25 August). Being Kiasu isn't all bad, says expert. It reflect the fact that Singapore is a fast-paced, achievement oriented city. *Straits Times*. Web 6 Mac 2016.

kyspp.nus.edu.sg/ips/wp-content/uploads/sites/2/2013/06/ST_Being-Kiasu-isnt-all-bad-say-experts_250812.pdf.

- Ehlers-Zavala, F. P. (2010). Bilingualism and education: educating at-risk learners. In F. E. Obiakor, J. P. Bakken, & A. F. Rotatori (Eds.), *Advances in Special Education: Current Issues and Trends in Special Education, Volume 20: Research, Technology, and Teacher Preparation* (pp. 43-69). Bradford, West Yorkshire, GBR: Emerald Group Publishing Ltd. Retrieved from <http://www.ebrary.com>
- Ganon J. M. & Pillai R. (2010). The Singapore hawkers centres. In M. J. Gannon & R. Pillai (Ed), *Understanding global cultures: Metaphorical journeys through 29 nations, cluster of nations, continents and diversities* (pp. 457-466). London: Sage
- Garcia, O. (2009). *Bilingual Education in the 21st Century: A Global Perspective*. UK: Wiley-Blackwell
- General household survey 2015*. Singapore: Department of Statistics, Ministry of Trade and Industry.
- Goh, K. S. (1979). *Report on the Ministry of Education 1978*. Singapore: Education Study Team.
- Gopinathan, S., Ho W. K., and Saravanan, V. (2004). Ethnicity management and language education policy: Towards a modified model of language education in Singapore. In A.E. Lai (ed.) *Beyond Rituals and Riots & Ethnic Pluralism and Social Cohesion in Singapore* (pp. 228-257). Singapore, Eastern University Press.
- Hayes-Bautista, D. E. (1999, March 28). On being Latino: As American as a Texan. *Los Angeles Times*, M1.
- Ho, W. K. (2006) *Education in Singapore: Focusing on quality and choice in learning. A country report*. Singapore: Singapore Teachers' Union.
- Kachru, B. B. (1985). Standards, codification and sociolinguistic realism: the English language in the outer circle. In R. Quirk & H. G. Widdowson, *English in the World: teaching and learning the language and literatures* (pp. 11-30). Cambridge: Cambridge University Press for The British Council.
- Kartika, T. (2014). Non-verbal communication study human behavior reflection as local

- wisdom. *Journal of Humanities And Social Science*, 19, 11, VIII, 28-32
- Kirpal, S. (2015). Singapore identity... Musing upon a theme. *Singapore*. Oct-Dec. Web. 6 Mac 2016. <http://singaporemagazine.sif.org.sg/singapore-identity-musings-upon-a-theme>.
- Lieberson, S. (1969). How can we describe the incidence and distribution of bilingualism. In Kelly L. G. (ed), *Description and Measurement of Bilingualism* (pp. 286-295). Toronto: University of Toronto Press.
- Lee, H. L. (1999). *Ministerial statement by DPM BG Lee Hsien Loong on Chinese language in schools in parliament On 20 Jan 99*. Web. 6 March 2016. <https://www.moe.gov.sg/media/speeches/1999/200199.htm>.
- Lee, H. L. (2009). *Speech by Mr Lee Hsien Loong, Prime Minister, at the Singapore Human Capital Summit Opening, 29 September 2009, 9:45am at Raffles City Convention Centre*. Web. 6 Mac 2016. <http://www.pmo.gov.sg/mediacentre/speech-mr-lee-hsien-loong-prime-minister-singapore-human-capital-summit-opening-29>.
- Lee, K. Y. (2011). *Hard truths to keep Singapore going*. Singapore: Times Media Pte. Ltd.
- Lee, K. Y. (2000). *From third world to first: The Singapore story - 1965-2000*. Singapore: Times Media Pte. Ltd.
- Lee M. K. (11 February, 2015). Kiasu is Oxford English Dictionary's word of the day: Other Singlish words in the OED. *Singapore Straits Times*. Web. 6 Mac 2016. <http://www.straitstimes.com/singapore/kiasu-is-oxford-english-dictionary-word-of-the-day-other-singlish-words-in-the-oed>
- Marr B. & Schiuma G. (2001). Measuring and managing intellectual capital and knowledge assets in new economy organisations. In Bourne M. (Ed) *Handbook of performance measurement*. London: Gee.
- Mathews, M. (2015) The state and implication of our differences: Insights from the IPS survey on race, religion and language. In Mathew Mathews, Christopher Gee and Chiang, Wai Fong (ed), *Singapore Perspectives 2014* (pp. 107-141). Singapore: World Scientific for IPS
- Mohamed Aidil Subhan bin Mohamed Sulor, (2013). *Bilingualism and its effects on Malay language planning*. (Disertasi Kedoktoran). Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang.

- Mohamed Pitchay Gani bin Mohamed Abdul Aziz, (2014). *Ethnolinguistic vitality of the Malays of Singapore*. (Disertasi Kedoktoran). Universiti Malaya.
- Mungmachon R. (2012). Knowledge and Local Wisdom: Community Treasure. *Journal of Humanities And Social Science*, 2, 13, 174-181
- Padmanugraha A. S. (2010). *Common sense outlook on local wisdom and identity: A contemporary Javanese native's experience*. Kertas disampaikan di International Conference on "Local Wisdom for Character Building" di Auditorium Building, YSU
- Phukamchanoad P., Santithammakul T., Yordchim S., & Palapin P. (2014). A Study on Local Wisdom towards Career Building of People in Kamchanoad Community. *International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and Industrial Engineering*, 8, 8, 2695-2697
- Riney, T. (1998). Toward more homogeneous bilingualisms: Shift phenomena in Singapore. *Multilingua*, 17, 1-23.
- Romaine, S. (2013) The bilingual and multilingual community. In T. K. Bhatia and W. C. Ritchie (ed), *The handbook of bilingualism and multilingualism, Second Edition* (pp. 443-465) , John Wiley & Sons, Ltd, Chichester, UK. doi: 10.1002/9781118332382.ch18
- Samuel, E. (Mar 17, 2016). Share of govt revenue from COE, ARF to rise to 10% (Amended). The Business Times. Web. 5 March 2016. [http://www. Business times. com.sg/government-economy/singapore-budget-2015/share-of-govt-revenue-from-coe-arf-to-rise-to-10-amended](http://www.business-times.com.sg/government-economy/singapore-budget-2015/share-of-govt-revenue-from-coe-arf-to-rise-to-10-amended)
- Ruani F. T. (2011). English knowing bilingualism in Singapore. In Feng Anwei (ed.) *Bilingual education and bilingualism: English language education across greater China*. (pp. 46-69) Bristol, GBR: Channel View Publications, 2011. ProQuest ebrary. Web. 5 March 2016.
- Tajfel, H. (1981). Social stereotypes and social groups. In J. C. Turner & H. Giles (Eds.), *Intergroup behavior* (pp. 144–167). Oxford, UK: Blackwell.
- Tajfel, H. (1974). Social identity and intergroup behavior. *Social Science Information*, 11, 65–93.

Tan, E. (2004) “We, the Citizens of Singapore. . .”: Multiethnicity, its evolutions and its aberrations. In A.E. Lai (ed.) *Beyond Rituals and Riots: Ethnic Pluralism and Social Cohesion in Singapore* (pp. 65-97). Singapore: Eastern University Press.

Tay, E. S. (1990) The ends and means of education. *Commentary* 8, 4-12.

Triandis, H. C. (1994). *Culture and social behavior*. New York: McGraw-Hill.

Vega A. L. (2008). Social psychological approaches in bilingualism. In J. Altarriba, R. R. Heredia (eds.), *An Introduction to Bilingualism* (pp. 185-198). London: Lawrence Erlbaum Associates

<http://www.keppelom.com>

www.mof.gov.sg/Policies/Our-Nations-Reserves/Section-I-What-comprises-the-reserves-and-who-manages-them